Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 34 (5): 2733 - 2754 (2026)

PERTANIKA JOURNALS

SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES

Journal homepage: http://www.pertanika.upm.edu.my/

Emosi Marah dalam Novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton*

Normaizura Md Zain[1]*, Sharil Nizam Sha'ri[1], Salina Husain[2], Shazan Khan Omar[3], dan Mohamad Suhaizi Suhaimi[4]

[1]Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia
[2]Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia
[3]Jabatan Bahasa Inggeris, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
[4]Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Johor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian emosi dalam teks naratif banyak memberikan tumpuan kepada pengelasan emosi, pengalaman psikologi watak dan bentuk bahasa. Namun begitu, hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif dan strategi bahasa dalam pemaknaan emosi masih belum dijelaskan secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan menganalisis pemaknaan emosi marah dalam dialog novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton* berdasarkan kerangka Hude (2006). Kajian ini turut merumuskan hubungannya dengan pemikiran dan nilai sosial yang digambarkan dalam teks. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan. Sebanyak 91 dialog yang memenuhi kriteria emosi marah dikenal pasti daripada keseluruhan novel dan dianalisis berdasarkan rangsangan situasi, penilaian kognitif, penggunaan bahasa, bentuk ekspresi dan konteks interaksi. Data diurus menggunakan NVivo, manakala pentafsiran dilakukan berdasarkan kerangka Hude (2006). Dapatan menghasilkan tiga tema, iaitu ancaman terhadap kuasa dan maruah sebanyak 41 dialog (45%), keinginan yang tidak tercapai sebanyak 26 dialog (29%) dan penilaian terhadap kebatilan sebanyak 24 dialog (26%). Analisis menunjukkan bahawa strategi bahasa marah berubah mengikut penilaian watak terhadap rangsangan. Ancaman terhadap kuasa dan maruah mendorong penegasan kedudukan atau usaha mempertahankan harga diri. Kegagalan mencapai matlamat pula mendorong kecaman, desakan atau pertahanan diri. Sementara itu, penilaian terhadap kebatilan mendorong penolakan, kritikan dan tuntutan keadilan. Kajian ini memperluas penggunaan

ARTICLE INFO

Article history:
Received: 28 July 2026
Accepted: 22 September 2026
Published: 30 October 2026

DOI: https://doi.org/10.47836/pjssh.34.5.17

E-mail addresses:
nmzmz85@gmail.com (Normaizura Md Zain)
sharil@upm.edu.my (Sharil Nizam Sha'ri)
linahusain@upm.edu.my (Salina Husain)
shazanomar@uitm.edu.my (Shazan Khan Omar)
msuhaizi@iium.edu.my (Mohamad Suhaizi Suhaimi)
* Corresponding author

© Universiti Putra Malaysia Press

kerangka Hude (2006) dengan menunjukkan bahawa pemaknaan emosi marah terbentuk melalui hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif, strategi bahasa dan fungsi ujaran dalam konteks interaksi.

Kata kunci: Bahasa emosi; dialog novel; emosi marah; penilaian kognitif; pemaknaan emosi

ABSTRACT

Studies of emotion in narrative texts have largely focused on emotion classification, characters' psychological experiences, and linguistic forms. However, the relationship between situational stimuli, cognitive appraisal, and language strategies in the meaning construction of emotion has not yet been fully explained. This study aims to analyse the meaning construction of anger in the dialogues of Hari-hari Terakhir di Jesselton *based on Hude's (2006) framework. It also examines its relationship with the thoughts and social values represented in the text. The study employed a qualitative approach using content analysis. A total of 91 dialogues that met the criteria for anger were identified and analysed in terms of situational stimuli, cognitive appraisal, language use, forms of expression, and interactional context. The data were managed using NVivo, while the interpretation was guided by Hude's (2006) framework. The findings reveal three themes: threats to power and dignity, 41 dialogues (45%); unfulfilled desires, 26 dialogues (29%); and appraisal of wrongdoing, 24 dialogues (26%). The analysis shows that anger-related language strategies vary according to the characters' appraisal of the stimuli. Threats to power and dignity prompt characters to assert their position or defend their self-worth. Failure to achieve goals prompts criticism, demands, or self-defence. Meanwhile, the appraisal of wrongdoing prompts rejection, criticism, and demands for justice. This study extends the application of Hude's (2006) framework by demonstrating that the meaning construction of anger emerges through the relationship between situational stimuli, cognitive appraisal, language strategies, and utterance functions within interactional contexts.*

Keywords*: Anger, cognitive appraisal, emotion language, meaning construction of emotion, novel dialogue*

PENGENALAN

Bahasa berperanan menyampaikan pemikiran, perasaan dan nilai dalam hubungan sosial. Dalam karya kreatif, khususnya novel, bahasa menjadi medium bagi pengarang menggambarkan pengalaman, pemikiran dan emosi watak (Siti Farida Salleh et al., 2020). Penyampaian tersebut dapat dilihat melalui dialog yang menggambarkan konflik, hubungan sosial, pemikiran dan emosi watak. Walaupun dirancang oleh pengarang, dialog fiksyen dibentuk berdasarkan ciri perbualan sebenar untuk menghasilkan komunikasi yang kelihatan semula jadi dan spontan (Baños-Piñero & Chaume, 2009; Nykänen & Koivisto, 2016). Oleh itu, dialog novel dapat dijadikan data linguistik untuk meneliti penggunaan bahasa dalam konteks interaksi.

Salah satu emosi yang sering muncul dalam situasi konflik ialah emosi marah. Emosi ini boleh tercetus akibat layanan

yang tidak wajar serta dipengaruhi oleh faktor persekitaran, keluarga dan sosial (Sariban et al., 2020). Apabila diekspresikan melalui ujaran, kemarahan mempengaruhi pemilihan dan penggunaan bahasa. Schultz-Palma (1996) menjelaskan bahawa konflik verbal sering menunjukkan perubahan dalam pemilihan leksikal, penggunaan kata berkonotasi negatif, peningkatan nada suara dan pengabaian terhadap norma komunikasi biasa. Namun begitu, emosi marah tidak semestinya dinyatakan secara langsung melalui kata emosi atau ungkapan kasar. Emosi ini juga boleh disampaikan melalui sindiran, soalan retorik, arahan, penegasan dan bentuk bahasa lain bergantung kepada konteks interaksi.

Dari sudut psikolinguistik, pemaknaan emosi melibatkan hubungan antara bahasa dengan proses kognitif ketika individu mentafsir sesuatu situasi. Hoemann et al. (2025) menegaskan bahawa analisis bahasa tidak seharusnya terbatas pada label emosi, sebaliknya perlu mengambil kira sumber bahasa yang digunakan untuk memahami pemaknaan emosi. Dalam kajian ini, pemaknaan emosi merujuk kepada pentafsiran emosi marah berdasarkan hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif watak, strategi bahasa dan konteks interaksi.

Kajian ini memilih novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton* karya Ruhaini Matdarin (2018) yang memaparkan konflik sosial, perebutan kuasa dan tekanan emosi melalui interaksi antara watak. Novel ini turut menerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2017/2018 (Hazira Ahmad Zaidi, 2025). Berdasarkan kerangka emosi Hude (2006), kajian ini meneliti pemaknaan emosi marah dengan memberikan perhatian kepada hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif, strategi bahasa serta pemikiran dan nilai sosial yang digambarkan melalui interaksi watak.

Pernyataan Masalah

Kajian emosi dalam teks naratif semakin berkembang dalam pelbagai disiplin ilmu. Namun, penelitian terdahulu masih banyak memberikan tumpuan kepada pengelasan kategori emosi tanpa menghuraikan proses pembentukan makna secara mendalam. Klinger et al. (2020) menjelaskan bahawa kajian emosi dalam teks fiksyen sering tertumpu pada pengelasan kategori tanpa mengambil kira struktur pengalaman emosi seperti pelaku, faktor pencetus dan sasaran emosi. Vishnubhotla et al. (2024) pula menunjukkan bahawa novel sering dianalisis sebagai satu aliran emosi secara keseluruhan sehingga perbezaan pengalaman emosi antara watak kurang diberikan perhatian. Keadaan ini menyebabkan proses pemaknaan emosi belum dijelaskan secara menyeluruh. Proses tersebut melibatkan hubungan antara peristiwa yang mencetuskan emosi, penilaian watak terhadap peristiwa tersebut dan bahasa yang digunakan untuk mengekspresikan emosi.

Emosi dalam teks naratif juga tidak semestinya dinyatakan melalui kata emosi secara langsung. Pertukaran penutur dan nada emosi sering disampaikan secara tersirat sehingga pentafsirannya memerlukan penelitian terhadap konteks yang mengiringi

dialog (Patil et al., 2026). Oleh itu, bentuk bahasa seperti makian, sindiran, arahan atau soalan retorik sahaja belum memadai untuk menjelaskan sebab sesuatu ujaran membawa makna marah dalam konteks tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana pemaknaan emosi marah turut melibatkan hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif watak, strategi bahasa yang digunakan serta fungsi ujaran dalam interaksi. Strategi bahasa yang sama juga tidak semestinya membawa makna dan fungsi ujaran marah yang sama apabila digunakan dalam situasi dan hubungan sosial yang berbeza-beza.

Dalam konteks kajian tempatan, penelitian emosi dalam karya kreatif lebih banyak memberikan perhatian kepada psikologi watak, jenis emosi, pemilihan kosa kata dan metafora (Nor Hafuza Muhammad Arif et al., 2024; Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, 2020; Sariban et al., 2020). Penelitian tersebut belum menghubungkan secara menyeluruh rangsangan situasi, penilaian kognitif dan strategi bahasa dalam menjelaskan pemaknaan emosi marah dalam interaksi. Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka emosi Hude (2006) untuk meneliti hubungan tersebut dan seterusnya merumuskan pemikiran dan nilai sosial yang digambarkan melalui interaksi watak dalam novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton*.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

1. Menganalisis pemaknaan emosi marah dalam dialog novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton* berdasarkan kerangka emosi Hude (2006); dan
2. Merumuskan hubungan bahasa emosi marah dengan pemikiran dan nilai sosial yang digambarkan dalam dialog novel tersebut.

SOROTAN KAJIAN

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pemahaman emosi tidak seharusnya hanya tertumpu pada label emosi semata-mata. Hoemann et al. (2025) menjelaskan bahawa makna emosi dibentuk melalui hubungan antara bahasa dengan proses perhatian (*attention*), pentafsiran (*construal*) dan penilaian (*appraisal*). Klinger et al. (2020) pula menunjukkan bahawa analisis emosi dalam teks fiksyen perlu mengambil kira pihak yang mengalami emosi dan peristiwa yang mencetuskannya. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa pemaknaan emosi melibatkan hubungan antara bahasa, rangsangan, penilaian dan konteks.

Hubungan sosial turut mempengaruhi penggunaan bahasa untuk mengekspresikan emosi. Parkinson (2023) menjelaskan bahawa bahasa emosi bukan sahaja menggambarkan keadaan emosi, tetapi turut menjalankan fungsi sosial dalam interaksi. van Kleef dan Lange (2020) pula menunjukkan bahawa kuasa dan status mempengaruhi cara individu mengalami dan mengekspresikan emosi. Dalam penelitian bahasa marah, Ulrikayanti (2022) serta Nova dan Winarti (2024) menunjukkan bahawa kemarahan dapat disampaikan melalui pelbagai strategi, termasuk sindiran, humor sinis, makian dan bentuk ujaran tertentu. Kajian-kajian ini menjelaskan bahawa ekspresi marah berkaitan dengan

bahasa, tujuan komunikasi dan hubungan sosial. Namun demikian, penelitian tersebut belum menjelaskan secara menyeluruh hubungan antara penilaian terhadap sesuatu situasi dengan strategi bahasa yang dipilih. Hubungannya dengan fungsi ujaran marah dalam konteks interaksi juga belum diberikan perhatian yang mencukupi.

Penelitian emosi dalam karya kreatif pula menunjukkan kecenderungan yang berbeza-beza. Vishnubhotla et al. (2024) dan Klinger et al. (2020) mengambil kira watak, peristiwa dan pencetus emosi, tetapi menggunakan pendekatan yang lebih berorientasikan analisis perkomputeran. Seterusnya, kajian Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2020), Nurul Norasuwat Rosli dan Nordiana Hamzah (2020) serta Sariban et al. (2020) pula lebih memberikan perhatian kepada pengalaman dan aspek psikologi emosi watak. Penelitian linguistik pula menumpukan pola bahasa dalam media sosial (Umaimah Kamarulzaman et al., 2023), kosa kata emosi (Nani Sunarni, 2022) dan metafora emosi (Nor Hafuza Muhammad Arif et al., 2024). Perbandingan ini menunjukkan bahawa kajian karya kreatif lebih menekankan pengalaman emosi dan konteks watak, manakala kajian linguistik lebih memberikan perhatian kepada bentuk bahasa. Hubungan antara kedua-dua aspek tersebut, khususnya antara penilaian kognitif watak dengan strategi bahasa yang digunakan untuk menyatakan kemarahan, masih belum dijelaskan secara khusus.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu telah mengenal pasti bahasa, rangsangan, penilaian kognitif, tujuan komunikasi dan hubungan sosial sebagai unsur penting dalam memahami emosi. Namun, unsur-unsur tersebut lebih banyak diteliti secara berasingan. Hal ini menunjukkan bahawa masih belum jelas hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif, strategi bahasa dan fungsi ujaran dalam pemaknaan emosi marah dalam dialog karya kreatif. Jurang ini penting kerana makna marah tidak semestinya ditandai oleh kata emosi secara eksplisit. Makna tersebut juga dapat dikenal pasti melalui penilaian watak terhadap sesuatu situasi dan penggunaan bahasa sebagai tindak balas terhadap situasi tersebut. Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka Hude (2006) sebagai asas untuk meneliti pemaknaan emosi marah melalui hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif, strategi bahasa dan fungsi ujaran dalam dialog novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton*.

Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan kerangka emosi Hude (2006) sebagai asas untuk menjelaskan pemaknaan emosi marah dalam dialog novel. Menurut Hude (2006), emosi merupakan gejala psikofisiologi yang mempengaruhi persepsi, pemikiran dan tingkah laku manusia. Emosi dapat diklasifikasikan kepada enam kategori asas, iaitu gembira, marah, sedih, takut, benci dan hairan atau terkejut. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap emosi marah yang banyak dipaparkan melalui konflik dan ketegangan antara watak dalam novel yang dikaji. Berdasarkan kerangka Hude (2006), emosi

terbentuk apabila rangsangan daripada sesuatu peristiwa atau keadaan dinilai berdasarkan pengalaman, kepercayaan, keinginan dan nilai individu. Penilaian tersebut mempengaruhi emosi yang dialami dan cara emosi diekspresikan melalui bahasa atau tingkah laku. Oleh itu, situasi yang sama boleh menghasilkan tindak balas emosi yang berbeza berdasarkan penilaian individu terhadap situasi tersebut.

Berdasarkan Hude (2006), emosi marah boleh tercetus apabila individu menilai sesuatu keadaan sebagai ancaman, halangan terhadap keinginan atau perkara yang bertentangan kebenaran. Berdasarkan penjelasan tersebut, data emosi marah dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga tema, iaitu ancaman terhadap kuasa dan maruah, keinginan yang tidak tercapai dan penilaian terhadap kebatilan. Ancaman terhadap kuasa dan maruah merujuk kepada situasi yang dinilai menggugat kedudukan, kewibawaan atau harga diri watak. Keinginan yang tidak tercapai merujuk keadaan apabila matlamat, kehendak atau jangkaan watak terhalang. Penilaian terhadap kebatilan pula merujuk kepada situasi yang dinilai bertentangan dengan kebenaran, keadilan atau hak. Jika sesuatu dialog mengandungi lebih daripada satu rangsangan, pengelompokan dibuat berdasarkan rangsangan dan penilaian yang paling dominan dalam konteks interaksi.

Selain bahasa dalam dialog, ekspresi emosi yang dinyatakan dalam naratif digunakan sebagai maklumat sokongan. Hude (2006) membahagikan ekspresi emosi kepada empat bentuk, iaitu ekspresi suara, wajah, tingkah laku dan ekspresi lain. Maklumat seperti perubahan nada suara, raut wajah dan tingkah laku digunakan untuk mengukuhkan pentafsiran emosi marah, manakala bahasa dalam dialog kekal sebagai data utama. Penggunaan maklumat pengiring ini selaras dengan kajian yang menunjukkan bahawa pemaknaan emosi dapat dibantu oleh pelbagai sumber linguistik dan konteks yang mengiringinya (Dana et al., 2025; Hoemann et al., 2025).

Secara keseluruhannya, kerangka Hude (2006) menjadi asas untuk mengenal pasti rangsangan dan penilaian yang mencetuskan emosi marah. Kajian ini seterusnya meneliti hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif, strategi bahasa dan fungsi ujaran dalam konteks interaksi bagi menjelaskan pemaknaan emosi marah. Analisis tersebut turut menjadi asas untuk merumuskan pemikiran dan nilai sosial yang digambarkan melalui interaksi watak.

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini diringkaskan dalam Rajah 1.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan digunakan untuk mentafsir data teks secara sistematik melalui proses pengekodan serta pengenalpastian tema atau pola (Hsieh & Shannon, 2005). Sumber data ialah novel *Hari-hari Terakhir di Jesselton* karya Ruhaini Matdarin (2018) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2018. Unit analisis ialah dialog yang memaparkan emosi marah dalam konteks interaksi yang lengkap. Naratif pengiring turut dirujuk untuk



Rajah 1. Kerangka analisis bahasa emosi marah berdasarkan kerangka emosi Hude (2006)
Sumber: Olahan pengkaji

memperoleh maklumat tentang penutur, lawan tutur, situasi komunikasi, nada suara, ekspresi wajah dan tingkah laku watak. Naratif digunakan sebagai maklumat sokongan, manakala bahasa dalam dialog menjadi data utama. NVivo digunakan untuk mengurus dan menyusun data secara sistematik (Allsop et al., 2022). Pengekodan dan pentafsiran pula dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kerangka Hude (2006) dan konteks interaksi.

Persampelan Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan berdasarkan kriteria yang selaras dengan fokus kajian (Stratton, 2024). Keseluruhan novel diteliti untuk mengenal pasti dialog yang memaparkan emosi marah. Pemilihan data dibuat berdasarkan empat kriteria. Pertama, dialog menunjukkan emosi marah berdasarkan kerangka Hude (2006). Kedua, kemarahan dapat dikenal pasti melalui bahasa dan konteks yang mengiringinya. Ketiga, terdapat rangsangan yang mencetuskan kemarahan. Keempat, penutur, lawan tutur dan situasi interaksi dapat dikenal pasti dengan jelas. Bentuk bahasa seperti makian, sindiran, arahan, penegasan, teguran dan soalan retorik digunakan sebagai petunjuk apabila hadir, tetapi bukan sebagai penentu utama emosi marah. Semua dialog yang memenuhi keempat-empat kriteria dimasukkan tanpa mengehadkan watak, bab atau kedudukan dialog dalam novel. Dialog yang tidak memenuhi kriteria pula dikecualikan. Proses ini menghasilkan 91 dialog yang merupakan keseluruhan data emosi marah yang memenuhi kriteria kajian.

Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Pengumpulan data dilakukan melalui pembacaan berulang-ulang terhadap keseluruhan novel. Dialog yang berpotensi mengandungi emosi marah dikenal pasti dan disaring berdasarkan kriteria pemilihan. Setiap dialog yang memenuhi kriteria direkodkan bersama maklumat bab,

halaman, penutur, lawan tutur dan konteks situasi. Dialog tersebut diberikan kod DEM (Data Emosi Marah) dan dimasukkan ke dalam NVivo.

Analisis dilakukan secara berperingkat. Pertama, dialog diteliti bersama naratif pengiring untuk mengesahkan emosi marah berdasarkan bahasa dan konteks. Kedua, peristiwa atau keadaan yang mencetuskan kemarahan dikenal pasti sebagai rangsangan dan diikuti dengan penelitian terhadap penilaian kognitif watak. Ketiga, strategi bahasa yang digunakan untuk mengekspresikan kemarahan dikenal pasti dan ditafsirkan berdasarkan konteks interaksi, termasuklah hubungan antara penutur dengan lawan tutur. Maklumat tentang suara, wajah dan tingkah laku dalam naratif digunakan sebagai sokongan kepada pentafsiran. Keempat, data membentuk tiga tema berdasarkan rangsangan dan penilaian kognitif, iaitu ancaman terhadap kuasa dan maruah, keinginan yang tidak tercapai dan penilaian terhadap kebatilan. Kelima, fungsi ujaran ditafsirkan berdasarkan tujuan penggunaan bahasa dan konteks interaksi. Proses ini membolehkan pemaknaan emosi marah dianalisis melalui hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif, strategi bahasa dan fungsi ujaran.

Sekiranya sesuatu data memenuhi kriteria lebih daripada satu tema, pengelompokan ditentukan berdasarkan rangsangan dan penilaian kognitif yang paling dominan. Tema dominan merujuk kepada perkara utama yang dinilai oleh watak sebagai punca kemarahannya berdasarkan keseluruhan konteks interaksi. Taburan data bagi setiap tema kemudiannya dihitung secara deskriptif untuk menunjukkan pola kemunculan tema.

Untuk memastikan ketekalan analisis, pengekodan semula dilakukan dalam NVivo selepas selang beberapa minggu daripada pengekodan awal. Prosedur ini digunakan untuk menilai ketekalan pengelompokan data oleh pengkaji pada dua tempoh yang berbeza (Aly et al., 2024; Mukhalalati & Taylor, 2020). Sebarang perbezaan dalam pengelompokan atau pentafsiran data diteliti semula dengan merujuk takrif dan kriteria bagi setiap tema, rangsangan situasi, penilaian kognitif, serta konteks interaksi. Pengekodan dan pentafsiran data turut dibincangkan bersama penyelia sebagai langkah tambahan untuk menilai kesesuaian pengelompokan tema dan meningkatkan ketekalan analisis (Aly et al., 2024).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap 91 dialog menunjukkan bahawa pemaknaan emosi marah tidak bergantung pada kata yang secara eksplisit menandai kemarahan. Sebaliknya, makna emosi terbentuk melalui hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif watak, strategi bahasa dan konteks interaksi. Naratif pengiring yang menggambarkan ekspresi suara, wajah, dan tingkah laku digunakan sebagai maklumat sokongan untuk mengukuhkan pentafsiran emosi serta menjelaskan intensiti kemarahan watak. Berdasarkan kerangka Hude (2006), analisis data menghasilkan tiga tema, iaitu marah sebagai reaksi terhadap ancaman terhadap kuasa dan maruah, marah akibat keinginan

yang tidak tercapai serta marah sebagai penilaian terhadap kebatilan.

Pengelompokan dibuat berdasarkan rangsangan dan penilaian kognitif yang paling dominan dalam konteks sesuatu dialog. Sekiranya sesuatu dialog mengandungi lebih daripada satu kemungkinan pencetus, tema ditentukan berdasarkan perkara utama yang dinilai oleh watak sebagai punca kemarahannya. Penilaian tersebut boleh melibatkan ancaman terhadap kuasa atau maruah, halangan terhadap keinginan atau matlamat, ataupun tindakan yang dianggap bertentangan dengan kebenaran dan keadilan. Penentuan ini penting kerana sesuatu situasi boleh mengandungi lebih daripada satu kemungkinan pencetus emosi. Taburan data ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan bahawa ancaman terhadap kuasa dan maruah merupakan tema paling dominan dengan 41 dialog (45%), diikuti oleh keinginan yang tidak tercapai sebanyak 26 dialog (29%) dan penilaian terhadap kebatilan sebanyak 24 dialog (26%). Taburan ini menunjukkan bahawa kemarahan paling banyak muncul apabila watak menilai sesuatu peristiwa sebagai ancaman terhadap kedudukan, autoriti, pengiktirafan atau harga diri. Ketiga-tiga tema ini turut menjelaskan bahawa emosi marah terbentuk berdasarkan cara watak menilai kesan sesuatu peristiwa terhadap kedudukan, matlamat dan nilai yang dipegang sebelum emosi tersebut diekspresikan melalui strategi bahasa tertentu.

Marah sebagai Reaksi terhadap Ancaman Kuasa dan Maruah

Tema ini merangkumi kemarahan yang tercetus apabila sesuatu tindakan dinilai sebagai ancaman terhadap autoriti, kedudukan, kawalan, pengiktirafan atau harga diri watak. Ancaman terhadap kuasa berlaku apabila watak yang mempunyai hak untuk memberikan arahan dan mengawal pihak lain berasa kedudukannya tercabar. Sementara itu, ancaman terhadap maruah berlaku apabila watak dihina, tidak diberikan pengiktirafan atau reputasinya tercemar. Analisis menunjukkan bahawa kemarahan dalam tema ini ditunjukkan melalui makian, arahan, penegasan kedudukan, soalan retorik, sindiran dan amaran. Walau bagaimanapun, penggunaan strategi tersebut berbeza mengikut jenis ancaman dan hubungan sosial antara penutur dengan lawan tutur.

Jadual 1
Taburan data mengikut tema pemaknaan emosi marah

Tema Makna Emosi Marah	Jumlah Data (dialog)	Peratus (%)
Marah sebagai reaksi terhadap ancaman kuasa dan maruah	41	45
Marah akibat keinginan yang tidak tercapai	26	29
Marah sebagai penilaian terhadap kebatilan	24	26
Jumlah	91	100.0

Sumber: Data kajian pengkaji

Contohnya, dalam DEM17 yang berikut:

> Setan! Kau mahu beritahu aku atau tidak? Aku ini tuan kau! Orang yang beri kau makan dan pakai. Beraninya kau mengulun tuan sendiri? Sikap apa ini?
>
> (12:141)

Dialog tersebut diujarkan oleh Sharif Hamid kepada Awang Ruskap dengan nada suara tinggi, jeritan dan makian. Sebelum ujaran tersebut, Awang Ruskap meminta Sharif Hamid berjanji untuk bertenang kerana bimbang akan terus diperlakukan secara kasar. Permintaan tersebut ditafsir oleh Sharif Hamid sebagai tindakan orang bawahan yang cuba menetapkan syarat dan mengawal tingkah lakunya. Penilaian tersebut turut dipengaruhi oleh rasa curiga terhadap Awang Ruskap yang berkemungkinan menyembunyikan maklumat dan mempunyai rancangan bersama Razak.

Berdasarkan kerangka Hude (2006), permintaan Awang Ruskap merupakan rangsangan yang dinilai sebagai sikap orang bawahan yang tidak patuh dan percubaan untuk mengkhianatinya, sekali gus mencabar kedudukan Sharif Hamid sebagai majikan. Penilaian tersebut dipengaruhi oleh kepercayaan bahawa orang bawahan perlu menunjukkan kesetiaan serta mematuhi arahan pihak yang lebih berkuasa. Oleh itu, kemarahan Sharif Hamid berpunca daripada kegagalannya memperoleh maklumat dan tanggapan bahawa hierarki antara majikan dengan orang bawahan telah dilanggar.

Penilaian terhadap ancaman tersebut kemudiannya ditunjukkan melalui beberapa strategi bahasa. Makian "setan" memberikan penilaian negatif terhadap lawan tutur dan meningkatkan ketegasan ujaran. Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2021), syaitan merujuk makhluk jahat yang mempunyai sifat buruk, manakala "setan" turut digunakan sebagai kata makian ketika seseorang berasa sangat marah. Dalam konteks ini, Awang Ruskap bukan sahaja dianggap tidak memberikan kerjasama, tetapi turut dinilai sebagai pihak yang tidak setia dan boleh mengancam kepentingan penutur. Makian berbentuk pelabelan ini digunakan untuk menunjukkan bahawa penutur benar-benar marah dan menganggap lawan tutur sebagai individu yang jahat, di samping mempertahankan kedudukannya. Pengulangan kata ganti nama "kau" menunjukkan kecaman yang ditujukan secara langsung kepada Awang Ruskap. Ujaran "Aku ini tuan kau!" pula digunakan untuk menegaskan perbezaan status antara dirinya dengan lawan tutur. Hal ini diperkukuh melalui ujaran "Orang yang beri kau makan dan pakai", yang digunakan untuk menuntut ketaatan dan kesetiaan Awang Ruskap.

Seterusnya, tiga soalan retorik yang digunakan secara berturut-turut berfungsi untuk mengekspresikan kemarahan penutur. Soalan "Kau mahu beritahu aku atau tidak?" berfungsi sebagai desakan untuk memperoleh maklumat, manakala "Beraninya kau *mengulun* tuan sendiri?" berfungsi sebagai kecaman terhadap tindakan yang dianggap melanggar hierarki. Berdasarkan glosari novel, "mengulun" bermaksud mengarah-arah. Hal ini menjelaskan bahawa kemarahan

penutur berpunca daripada kedudukannya sebagai majikan yang tercabar apabila orang bawahannya tidak segera mematuhi kehendaknya, malah cuba memberikan arahan kepadanya. Soalan "Sikap apa ini?" pula memberikan penilaian negatif terhadap keseluruhan tingkah laku Awang Ruskap. Oleh itu, penggunaan makian, penegasan kedudukan dan soalan retorik dalam DEM17 menunjukkan kemarahan Sharif Hamid terhadap Awang Ruskap, di samping menegaskan kedudukannya sebagai majikan dan menuntut kepatuhan daripada orang bawahannya.

Pola yang hampir sama dapat diperhatikan dalam DEM18 dan DEM76. Dalam DEM18, makian "bahlul!" dan pertanyaan "Kau bekerja untuk siapa, setan!" digunakan ketika Sharif Hamid mahu mengingatkan Awang Ruskap tentang kedudukannya sebagai orang bawahan dan memintanya mematuhi arahan. Dalam DEM76 pula, soalan "Siapa bekerja untuk siapa?" diujarkan oleh Sharif Hamid kepada Awang Ruskap untuk menegaskan bahawa hak memberikan arahan ditentukan oleh kedudukan mereka dalam hierarki pekerjaan. Ujaran "Satu usaha untuk menyingkirkan aku ke tepi jalan" dalam DEM18 menunjukkan bahawa kemarahan bukan hanya berkaitan dengan ketidakpatuhan orang bawahan, tetapi juga kebimbangan terhadap kemungkinan kehilangan kuasa dan kedudukan. Perbandingan ini menunjukkan bahawa apabila watak merasakan autoritinya tercabar, bahasa marah akan digunakan untuk menegaskan kedudukan penutur dan menuntut kepatuhan daripada lawan tutur.

Ancaman terhadap maruah pula menunjukkan pola yang sedikit berbeza. Dalam DEM79, Sharif Hamid mengujarkan "Siapa suruh kau beritahu ayah aku?" dan "Kau memang celaka!" kepada Daiman selepas ayahnya mengetahui tentang pembelian rantai emas tersebut. Sharif Hamid menganggap tindakan Daiman sebagai satu pengkhianatan yang boleh menjejaskan reputasinya. Dalam konteks ini, soalan retorik dan makian digunakan untuk mengecam Daiman kerana mendedahkan perkara yang ingin dirahsiakannya. Tindakan Sharif Hamid mengayunkan penumbuk ke muka Daiman turut menunjukkan kemarahan yang semakin kuat apabila reputasinya dirasakan terancam.

DEM39 menunjukkan satu lagi bentuk ancaman terhadap maruah, iaitu watak Sharif Malik marah apabila statusnya sebagai anak tidak sah taraf menyebabkan dirinya tidak mendapat pengiktirafan daripada ayah kandungnya. Soalan retorik "Tahukah kau betapa menderitanya aku selama ini" menyuarakan penderitaan yang telah lama dipendam, manakala ujaran "usahamu selalu berhasil menjauhkan aku" meletakkan lawan tutur sebagai pihak yang dianggap menghalang dirinya daripada memperoleh pengiktirafan. Berbeza daripada DEM17, DEM18 dan DEM76 yang menonjolkan usaha menegaskan autoriti, kemarahan dalam DEM39 berfungsi untuk menuntut pengiktirafan serta mempertahankan identiti dan harga diri.

Analisis silang data ini menunjukkan bahawa strategi bahasa kemarahan berbeza mengikut bentuk ancaman yang

dirasakan oleh watak. Apabila ancaman melibatkan kuasa dan kedudukan, seperti dalam DEM17, DEM18 dan DEM76, kemarahan ditunjukkan melalui makian, penegasan status dan soalan retorik untuk menegaskan kuasa serta menuntut kepatuhan daripada lawan tutur. Sebaliknya, apabila ancaman berkaitan reputasi dan pengiktirafan diri seperti dalam DEM79 dan DEM39, bahasa marah berfungsi untuk mengecam pengkhianatan, mempertahankan harga diri dan menuntut pengiktirafan. Secara keseluruhannya, hubungan antara rangsangan, penilaian kognitif dan strategi bahasa menunjukkan bahawa penggunaan bahasa marah berbeza mengikut jenis ancaman dan kedudukan penutur dalam hubungan sosial.

Dapatan ini mempunyai persamaan dengan Park et al. (2013), yang menghubungkan ekspresi marah dengan status dan dominasi sosial, serta Van Kleef dan Lange (2020), yang menunjukkan bahawa kedudukan sosial mempengaruhi cara individu mengekspresikan kemarahan. Walau bagaimanapun, analisis kajian ini memperincikan hubungan tersebut pada tahap bahasa dengan menunjukkan bahawa jenis ancaman menghasilkan fungsi bahasa marah yang berbeza. Ancaman terhadap autoriti mendorong penggunaan strategi yang menegaskan hierarki dan menuntut kepatuhan, manakala ancaman terhadap maruah dan pengiktirafan mendorong penggunaan bahasa untuk mempertahankan harga diri dan menuntut pengiktirafan. Dapatan berkaitan penafian pengiktirafan pula mempunyai persamaan dengan Zhang et al. (2025), yang menghubungkan kemarahan dengan usaha mempertahankan kedudukan dan maruah diri.

Dari sudut pemikiran dan nilai yang digambarkan dalam teks, tema ini menunjukkan bahawa hubungan antara pihak atasan dengan orang bawahan menuntut rasa patuh dan hormat terhadap autoriti. Namun, kuasa tidak seharusnya digunakan untuk menghina, mengugut atau melakukan kekerasan terhadap orang bawahan. Data tentang reputasi dan pengiktirafan pula menunjukkan bahawa watak berusaha mempertahankan harga diri apabila kedudukan atau identitinya dinafikan. Setiap individu, tanpa mengira kedudukannya, mempunyai maruah dan mengharapkan pengiktirafan daripada orang lain. Dari sudut nilai sosial, tema ini menonjolkan nilai hormat, kepatuhan, maruah, pengiktirafan, kesantunan dan kawalan emosi. Oleh itu, bahasa marah dalam tema ini digunakan untuk mempertahankan kuasa dan kedudukan serta melindungi maruah diri.

Marah Akibat Keinginan yang Tidak Tercapai

Tema ini merangkumi emosi marah yang timbul apabila sesuatu peristiwa tidak menepati keinginan, harapan, rancangan atau matlamat watak. Keadaan tersebut dinilai secara negatif kerana menghalang hasil yang ingin dicapai atau menjejaskan kepentingan watak. Dalam data yang dianalisis, kemarahan dalam tema ini ditunjukkan melalui soalan retorik, sindiran, kecaman, arahan dan penilaian negatif

terhadap tindakan lawan tutur. Strategi bahasa yang digunakan berbeza mengikut matlamat watak dan pihak yang dianggap menghalang matlamat tersebut.

Hal ini dapat dilihat dalam DEM03 yang berikut:

> Kau sudah hilang akalkah? Apa yang kaufikirkan?
>
> (10:121)

Dialog tersebut diujarkan oleh Miss Tijah kepada Razak selepas persembahan mereka tidak berjalan seperti yang dirancang. Razak telah merombak jalan cerita secara drastik sehingga persembahan menjadi celaru. Naratif yang mengiringi dialog menggambarkan Miss Tijah bersuara tinggi, berwajah masam mencuka dan melepaskan kemarahannya di hadapan semua anak wayang. Maklumat ini menjelaskan bahawa kedua-dua soalan tersebut tidak diujarkan sebagai pertanyaan biasa, tetapi sebagai ekspresi marah.

Berdasarkan kerangka Hude (2006), tindakan Razak mengubah jalan cerita sehingga persembahan menjadi celaru menjadi rangsangan kepada emosi marah Miss Tijah. Tindakan tersebut dinilai sebagai sesuatu yang menjejaskan perancangan, usaha dan kelancaran persembahan. Penilaian ini dipengaruhi oleh harapannya agar persembahan berjalan dengan teratur serta rasa tanggungjawabnya terhadap kelab. Perbezaan antara hasil yang diharapkan dengan keadaan sebenar menyebabkan Razak dianggap sebagai pihak yang menggagalkan perancangan tersebut, lalu mencetuskan kemarahan Miss Tijah.

Penilaian tersebut kemudiannya ditunjukkan melalui dua soalan retorik yang diujarkan secara berturutan. Soalan "Kau sudah hilang akalkah?" digunakan untuk mengecam tindakan Razak yang dianggap tidak rasional dan dilakukan tanpa mempertimbangkan kesannya terhadap persembahan. Soalan "Apa yang kaufikirkan?" pula mempersoalkan pertimbangannya ketika membuat keputusan tersebut. Kedua-dua soalan ini menunjukkan penolakan Miss Tijah terhadap tindakan Razak serta meletakkannya sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap kegagalan persembahan. Penggunaan kata ganti nama "kau" pula perlu ditafsir berdasarkan hubungan kekeluargaan antara Miss Tijah dengan Razak. Kata ganti nama tersebut pada asalnya menunjukkan hubungan yang rapat dan tidak formal. Namun, apabila digunakan bersama-sama soalan retorik serta diujarkan dengan suara tinggi dan wajah masam mencuka, kecaman Miss Tijah terhadap Razak menjadi lebih langsung dan tegas. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan sesuatu bentuk bahasa dalam mengekspresikan kemarahan turut dipengaruhi oleh konteks interaksi dan hubungan antara watak.

Makna emosi marah ini turut dikukuhkan melalui DEM04, iaitu:

> Dan kerana itulah kau merombak jalan cerita lalu menjadikan cerita yang sudah berminggu-minggu kita rancang menjadi kucar-kacir sebentar tadi?
>
> (10:122)

Soalan retorik ini meneruskan kecaman Miss Tijah terhadap tindakan Razak.

Leksis "kucar-kacir" menggambarkan hasil persembahan yang bertentangan dengan keadaan teratur yang diharapkan, manakala frasa "sudah berminggu-minggu kita rancang" menekankan usaha dan komitmen bersama yang dianggap telah disia-siakan. Penggunaan kata ganti nama "kau" meletakkan Razak sebagai pihak yang dipersalahkan, manakala kata ganti nama "kita" menunjukkan bahawa perancangan tersebut melibatkan usaha bersama. Perbandingan DEM03 dan DEM04 menunjukkan bahawa apabila matlamat bersama terjejas akibat tindakan seseorang, bahasa marah digunakan untuk mengecam tindakan tersebut dan meletakkan tanggungjawab terhadap pihak yang dianggap telah menjadi puncanya.

Pola yang berbeza-beza dapat dilihat apabila keinginan yang tidak tercapai melibatkan usaha penutur untuk mendapatkan pemahaman atau penerimaan daripada lawan tutur. Dalam DEM44, Razak menggunakan soalan retorik dan leksis "degil" apabila Miss Tijah enggan mendengar penjelasannya tentang rancangan untuk melarikan diri. Leksis "degil" menunjukkan penilaian negatif terhadap Miss Tijah yang enggan menerima pandangannya. Dalam DEM47 pula, pengulangan kata "faham" dalam soalan "Kau tak faham-faham lagi?" menunjukkan rasa geram Razak apabila Leman masih tidak memahami rancangan yang cuba dijelaskannya. Kedua-dua data menunjukkan bahawa apabila keinginan untuk didengar atau difahami tidak tercapai, bahasa marah digunakan untuk memberikan penilaian negatif dan mendesak lawan tutur supaya menerima atau memahami penjelasan penutur.

Dalam DEM46 pula, emosi marah Razak tercetus apabila usahanya untuk memajukan kelab tidak mencapai hasil yang diharapkan, malah dia dipersalahkan atas kegagalan tersebut. Frasa "mencuba nasib supaya kelab kita boleh pergi jauh" menunjukkan matlamat yang ingin dicapai, manakala soalan "Kau salahkan aku" menunjukkan penolakannya terhadap tuduhan Miss Tijah. Penggunaan kata nafi dalam "tidak tahu" dan "tidak tahu-menahu" pula digunakan untuk menafikan penglibatannya serta mempertahankan diri daripada tuduhan tersebut. Naratif yang menggambarkan Razak menjerit sehingga urat-urat di lehernya kelihatan turut menguatkan pentafsiran terhadap kemarahannya. Data ini menunjukkan bahawa apabila kegagalan mencapai matlamat disertai dengan tuduhan terhadap penutur, bahasa marah turut digunakan untuk menafikan tuduhan dan mempertahankan diri.

Analisis silang data menunjukkan bahawa penggunaan bahasa marah dalam tema ini berbeza mengikut keinginan atau matlamat yang tidak tercapai. Dalam DEM03 dan DEM04, kegagalan melibatkan perancangan dan hasil kerja bersama, lalu soalan retorik dan penilaian negatif digunakan untuk mengecam tindakan serta menyalahkan pihak yang dianggap menjadi punca kegagalan tersebut. Dalam DEM44 dan DEM47 pula, kemarahan timbul apabila penutur gagal mendapatkan pemahaman daripada lawan tutur. Bahasa marah digunakan untuk mendesak dan

memberikan penilaian negatif terhadap lawan tutur. DEM46 menunjukkan pola yang berbeza apabila kegagalan mencapai matlamat disertai dengan tuduhan terhadap penutur. Dalam keadaan ini, bahasa marah digunakan untuk menafikan tuduhan dan mempertahankan diri.

Secara keseluruhannya, perbezaan tersebut menunjukkan bahawa bahasa marah digunakan mengikut keadaan yang mencetuskan kekecewaan, sama ada untuk mengecam, mendesak atau mempertahankan diri. Hal ini menjelaskan bahawa fungsi bahasa marah dalam interaksi berubah mengikut bentuk halangan terhadap matlamat yang dinilai oleh penutur. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan Breuer dan Elson (2017), yang menjelaskan bahawa kekecewaan boleh berlaku apabila matlamat atau jangkaan individu tidak tercapai dan seterusnya mencetuskan kemarahan. Walau bagaimanapun, analisis kajian ini menunjukkan bahawa kegagalan mencapai matlamat tidak menghasilkan penggunaan bahasa marah yang seragam. Sebaliknya, strategi bahasa dan fungsi ujaran marah dalam interaksi berubah mengikut bentuk halangan yang dihadapi oleh penutur. Kegagalan dalam perancangan bersama mencetuskan kecaman dan tuntutan agar pihak yang dianggap menjadi puncanya bertanggungjawab. Kegagalan untuk difahami pula mendorong desakan dan penilaian negatif terhadap lawan tutur, manakala tuduhan terhadap penutur sebagai punca kegagalan mendorong penafian dan usaha mempertahankan diri.

Dari sudut pemikiran dan nilai yang digambarkan dalam teks, tema ini menunjukkan bahawa pencapaian sesuatu matlamat memerlukan perancangan, kerjasama dan tanggungjawab. Keputusan yang melibatkan kepentingan bersama juga perlu mengambil kira pandangan pihak yang terlibat. Konflik boleh berlaku apabila tindakan seseorang menjejaskan perancangan bersama-sama atau apabila pandangan dan penjelasan tidak didengar serta difahami. Hal ini mempunyai persamaan dengan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2024), yang menjelaskan bahawa konflik dan kurangnya kerjasama menyebabkan Kelab Bangsawan Seri Melati tidak dapat diurus dengan baik serta gagal mencapai matlamatnya. Dari sudut nilai sosial, tema ini menonjolkan nilai tanggungjawab, kerjasama, saling menghormati, kesediaan mendengar pandangan, kesabaran dan kawalan emosi. Oleh itu, bahasa marah dalam tema ini menunjukkan reaksi watak apabila sesuatu matlamat tidak tercapai, seperti meluahkan rasa tidak puas hati, meminta dirinya difahami dan mempertahankan diri.

Marah sebagai Penilaian terhadap Kebatilan

Tema ini merangkumi emosi marah yang tercetus apabila sesuatu tindakan dinilai bertentangan dengan kebenaran, keadilan dan nilai moral yang dipegang oleh watak. Dalam data yang dianalisis, kebatilan melibatkan eksploitasi, penyalahgunaan kuasa, layanan tidak adil, pencabulan maruah dan tindakan yang melanggar norma sosial. Emosi marah dalam tema ini ditunjukkan melalui ayat bersyarat, bahasa tersirat, sindiran, soalan retorik, arahan dan

amaran. Strategi bahasa yang digunakan berbeza mengikut bentuk kebatilan yang dinilai serta pihak yang menjadi sasaran kemarahan.

Contohnya, dalam DEM51:

> Sekiranya saya bagus dan bakal pelabur menyukai persembahan kelab kami, maka baguslah. Tapi, sekiranya tidak memuaskan hati bakal pelabur, tidak perlulah dilanjutkan sampai ke ranjang kerana saya percaya di luar sana pasti ada pelabur yang akan menghargai bakat anak seni seperti saya tanpa perlu meminta sesuatu yang melibatkan maruah seorang wanita.
>
> (3:37)

Sebelum DEM51 diujarkan, Daiman terlebih dahulu memaklumkan bahawa bakal pelabur mempunyai "permintaan istimewa" terhadap Miss Tijah. Maklumat tersebut menjadi rangsangan yang mencetuskan kemarahannya. Berdasarkan pengalaman menghadapi situasi yang sama sebelum ini, Miss Tijah mengesyaki bahawa permintaan tersebut merujuk kepada permintaan seksual. Walaupun Daiman belum menjelaskan maksud sebenar permintaan itu, Miss Tijah telah menilainya sebagai cubaan mengeksploitasi dirinya dan mencabul maruahnya sebagai seorang wanita.

Berdasarkan kerangka Hude (2006), penilaian tersebut dipengaruhi oleh pengalaman terdahulu serta kepercayaan Miss Tijah bahawa kejayaan seorang anak seni seharusnya dinilai berdasarkan bakat dan mutu persembahan, bukannya dengan memenuhi kehendak seksual pihak tertentu. Oleh itu, permintaan tersebut dinilai sebagai tindakan yang tidak bermoral dan menjatuhkan maruah, lalu mencetuskan kemarahannya.

Walaupun mengandungi emosi marah, DEM51 tidak disampaikan melalui makian atau jeritan. Sebaliknya, Miss Tijah menggunakan ayat bersyarat dan bahasa tersirat untuk menyatakan pendiriannya. Ujaran "Sekiranya saya bagus dan bakal pelabur menyukai persembahan kelab kami, maka baguslah" menunjukkan bahawa penajaan seharusnya berdasarkan bakat dan mutu persembahan. Jika persembahannya tidak memuaskan, dia sanggup menerima penolakan. Namun, dia menolak hubungan seksual sebagai syarat mendapatkan penajaan melalui ujaran "tidak perlulah dilanjutkan sampai ke ranjang". Ungkapan "sampai ke ranjang" merujuk hubungan seksual secara tersirat dan membolehkan penutur menyentuh perkara sensitif tanpa menggunakan kata yang terlalu langsung. Strategi ini menunjukkan bahawa kemarahan boleh disampaikan secara terkawal tetapi tetap tegas.

Frasa "tidak perlulah" menunjukkan penolakan terhadap permintaan yang dianggap tidak bermoral. Ujaran "saya percaya di luar sana pasti ada pelabur" pula menunjukkan keyakinan Miss Tijah bahawa pihak lain akan menghargai bakatnya tanpa mengenakan syarat yang menjatuhkan maruah. Penggunaan leksis "bakat" dan "anak seni" pula menegaskan identitinya sebagai penggiat seni yang mahu dinilai berdasarkan kebolehan, manakala leksis "maruah" dan "wanita" memperlihatkan

prinsip yang dipertahankannya. Oleh itu, bahasa marah dalam DEM51 berfungsi untuk menolak eksploitasi dan mempertahankan maruah tanpa menggunakan bahasa kasar.

Pola penolakan terhadap eksploitasi turut ditemukan dalam DEM57 dan DEM59, tetapi dipaparkan melalui strategi bahasa yang berbeza. Dalam DEM57, Miss Tijah menggunakan sindiran "Bagi kalian, semuanya atas nama perniagaan" untuk mengkritik pihak yang dianggap menggunakan kepentingan perniagaan sebagai alasan bagi membenarkan tindakan yang bertentangan prinsipnya. Kata ganti nama "kalian" memperluas sasaran kritikan kepada pihak yang terlibat dalam tindakan tersebut. Dalam DEM59 pula, kemarahan dinyatakan dengan lebih langsung melalui arahan "Diam!" dan amaran kepada Nadrah supaya tidak menggadaikan maruah demi mendapatkan penaja atau mengejar kemasyhuran. Jika DEM51 memperlihatkan penolakan secara terkawal melalui ayat bersyarat dan bahasa tersirat, DEM57 menggunakan sindiran untuk mengkritik, manakala DEM59 menggunakan arahan dan amaran untuk mencegah tindakan yang dianggap boleh menjatuhkan maruah.

Perbandingan DEM51, DEM57 dan DEM59 menunjukkan bahawa penilaian terhadap eksploitasi menghasilkan strategi bahasa yang berbeza-beza. DEM51 menggunakan bahasa terkawal dan tersirat untuk menolak, DEM57 menggunakan sindiran untuk mengkritik, manakala DEM59 menggunakan arahan dan amaran untuk memberikan peringatan. Perbezaan ini dipengaruhi oleh hubungan antara penutur dengan lawan tutur serta tujuan kemarahan disampaikan. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan Lizarazo Pereira et al. (2022) yang menjelaskan bahawa persepsi terhadap ketidakadilan boleh mencetuskan emosi marah. Namun begitu, analisis kajian ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap pelanggaran nilai tidak menggunakan bahasa marah yang sama. Perbezaannya dapat dilihat pada cara kemarahan disampaikan mengikut sasaran dan tujuan penutur, sama ada untuk menolak, mengkritik, memberikan arahan atau memberi amaran.

Penilaian terhadap kebatilan turut melibatkan ketidakadilan sosial dan ekonomi. Dalam DEM61, ibu Awang Ruskap mempersoalkan hubungan yang dianggap sebagai persaudaraan kerana anaknya tidak menerima upah yang setimpal dengan pekerjaannya. Perbandingan "bekerja macam tikus siang malam" menggambarkan beban kerja yang berat, manakala persoalan tentang perbezaan upah menunjukkan layanan tidak adil yang diterima oleh anaknya. Dalam DEM62 pula, beliau mempersoalkan kehilangan tanah keluarga atas nama kebaikan yang sebenarnya menguntungkan pihak lain. Berbeza daripada DEM51, DEM57 dan DEM59 yang berkaitan dengan eksploitasi dan maruah wanita, DEM61 dan DEM62 menunjukkan kemarahan terhadap tindakan yang dinilai menafikan hak dan mengambil kesempatan terhadap pihak lain.

Analisis silang data menunjukkan bahawa bahasa marah dalam tema ini berubah mengikut bentuk kebatilan dan

tujuan penutur. Apabila kebatilan melibatkan eksploitasi dan pencabulan maruah, bahasa marah digunakan untuk menolak permintaan, mengkritik tindakan dan memberikan peringatan bagi mempertahankan maruah. Apabila kebatilan melibatkan ketidakadilan sosial dan ekonomi, bahasa marah digunakan untuk mempersoalkan layanan tidak adil dan menuntut hak pihak yang terjejas. Perbezaan tersebut menunjukkan bahawa bahasa marah dalam tema ini bukan sekadar ekspresi tidak puas hati, tetapi digunakan untuk menyatakan pendirian terhadap tindakan yang dinilai bertentangan dengan prinsip, maruah dan keadilan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini selaras dengan Hude (2006), iaitu emosi marah boleh menjadi bentuk penolakan terhadap kebatilan dan penolakan tersebut dapat dinyatakan melalui penggunaan bahasa. Kebatilan dalam data melibatkan eksploitasi dan pencabulan maruah wanita serta ketidakadilan sosial dan ekonomi. Penilaian terhadap tindakan tersebut menghasilkan strategi bahasa yang berbeza, seperti ayat bersyarat, bahasa tersirat, sindiran, soalan retorik, arahan dan amaran. Penggunaannya pula bergantung pada bentuk tindakan yang dinilai salah, hubungan antara watak dan tujuan kemarahan disampaikan. Dengan demikian, bahasa marah bukan sahaja menunjukkan keadaan emosi watak, tetapi turut digunakan untuk menolak tindakan, mempertahankan prinsip, memberikan peringatan dan mempersoalkan ketidakadilan.

Dari sudut pemikiran dan nilai yang digambarkan dalam teks, tema ini menekankan kepentingan menjaga maruah, berlaku adil dan menghormati hak orang lain. Bakat dan mutu kerja perlu dihargai tanpa mengambil kesempatan terhadap seseorang demi kepentingan tertentu. Oleh itu, bahasa marah dalam tema ini digunakan untuk menolak eksploitasi dan ketidakadilan serta mempertahankan prinsip yang dipegang oleh watak.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa makna emosi marah tidak hanya dikenal pasti melalui kata-kata yang menandai kemarahan secara langsung. Sebaliknya, pemaknaan emosi marah terbentuk melalui hubungan antara rangsangan situasi, penilaian kognitif watak, penggunaan bahasa dan konteks interaksi. Naratif yang menggambarkan suara, wajah dan tingkah laku watak turut berfungsi sebagai maklumat sokongan bagi mengukuhkan pentafsiran terhadap makna dan intensiti kemarahan.

Analisis terhadap 91 dialog menghasilkan tiga tema utama berdasarkan kerangka Hude (2006), iaitu marah sebagai reaksi terhadap ancaman kuasa dan maruah, marah akibat keinginan yang tidak tercapai serta marah sebagai penilaian terhadap kebatilan. Ancaman terhadap kuasa dan maruah merupakan tema yang paling dominan. Emosi marah diekspresikan melalui pelbagai strategi bahasa seperti soalan retorik, arahan, sindiran, penegasan, amaran dan makian. Dapatan menunjukkan bahawa kemarahan tidak semestinya disampaikan melalui bahasa kasar, tetapi juga boleh dinyatakan secara tersirat,

terkawal dan tegas mengikut situasi, hubungan antara watak dan tujuan ujaran.

Penelitian terhadap ketiga-tiga tema menunjukkan bahawa penggunaan bahasa marah berbeza mengikut penilaian watak terhadap situasi yang dihadapi. Apabila autoriti dicabar, bahasa marah digunakan untuk menegaskan kedudukan dan menuntut kepatuhan. Apabila maruah terjejas, bahasa marah digunakan untuk mempertahankan harga diri dan mendapatkan pengiktirafan. Kegagalan mencapai matlamat pula mendorong penggunaan bahasa untuk mengecam, mendesak atau mempertahankan diri. Tindakan yang dinilai salah atau tidak adil pula mendorong penggunaan bahasa untuk menolak, mengkritik, memberikan peringatan dan menuntut keadilan. Dapatan ini memperluas penerapan kerangka Hude (2006) dengan menunjukkan bahawa perbezaan rangsangan dan penilaian kognitif berkait dengan perbezaan strategi bahasa dan fungsi ujaran dalam mengekspresikan kemarahan.

Keseluruhannya, bahasa emosi marah dalam novel yang dikaji bukan sahaja menggambarkan keadaan emosi watak, tetapi turut menjadi medium untuk menyatakan pendirian terhadap kuasa, maruah, tanggungjawab dan keadilan. Melalui penggunaan bahasa marah, teks turut menggambarkan nilai hormat, tanggungjawab, kerjasama, kesantunan, kawalan emosi dan kepentingan menjaga maruah. Dari sudut implikasi, dapatan ini menunjukkan kepentingan menggabungkan rangsangan situasi, penilaian kognitif dan konteks interaksi dalam penelitian bahasa emosi, khususnya bagi menjelaskan makna emosi yang tidak dinyatakan secara langsung dalam teks.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memperluas penggunaan kerangka emosi Hude (2006) dengan menunjukkan bahawa perbezaan rangsangan situasi dan penilaian kognitif berkait dengan pemilihan strategi bahasa serta fungsi ujaran yang berbeza dalam mengekspresikan kemarahan. Dapatan ini menunjukkan bahawa analisis emosi tidak memadai dengan mengenal pasti kata atau bentuk bahasa yang menunjukkan kemarahan, tetapi perlu mengambil kira penilaian watak, hubungan antara watak dan tujuan ujaran. Dari sudut metodologi, konteks interaksi dan naratif pengiring penting untuk membantu mentafsirkan emosi yang tidak dinyatakan secara langsung dalam dialog. Pendekatan ini dapat menjadi asas analisis bahasa emosi yang menghubungkan aspek kognitif dengan penggunaan bahasa dalam konteks interaksi.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian lanjutan boleh meneliti dengan lebih khusus pengaruh hubungan sosial dan kedudukan penutur terhadap pemilihan strategi bahasa dan fungsi ujaran marah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa strategi bahasa yang digunakan berbeza-beza mengikut jenis rangsangan, penilaian watak, hubungan antara penutur dengan lawan tutur serta tujuan ujaran. Oleh itu, penelitian terhadap hubungan kuasa, status dan keakraban antara penutur dalam karya atau korpus yang berbeza-beza dapat

menguji sama ada pola tersebut turut ditemukan dalam konteks interaksi yang lain.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia dan BERJAYA *University College* atas kemudahan dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

Allsop, D. B., Chelladurai, J. M., Kimball, E. R., Marks, L. D., & Hendricks, J. J. (2022). Qualitative methods with NVivo software: A practical guide for analyzing qualitative data. Psych, 4(2), 142-159. https://doi.org/10.3390/psych4020013

Aly, A., Hishari, O., Stewart, D., Awaisu, A., Elshami, S., & Mukhalalati, B. (2024). Exploring the perceptions of faculty members about research courses in undergraduate pharmacy curriculum: A qualitative study. PLOS ONE, 19(6), Article e0305946. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0305946

Baños-Piñero, R., & Chaume, F. (2009). Prefabricated orality: A challenge in audiovisual translation. inTRAlinea. https://www.intralinea.org/specials/article/1714

Breuer, J., & Elson, M. (2017). Frustration–aggression theory. In P. Sturmey (Ed.), The Wiley handbook of violence and aggression (pp. 1-12). Wiley. https://doi.org/10.1002/9781119057574.whbva040

Dana, O., Zulfiya, K., Bakhtigul, S., Aisulu, T., Aigul, O., Nursulu, T., Makhazhanova, G., & Aigul, K. (2025). Psycholinguistic and cultural dimensions of emotion verbalization: Investigating the rationale behind word choice. Eurasian Journal of Applied Linguistics, 11(1), 202-216. https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1474975.pdf

Hazira Ahmad Zaidi. (2025, October). Last days of Jesselton: Citra Borneo ke pentas antarabangsa. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2025/10/1454741/last-days-jesselton-citra-borneo-ke-pentas-antarabangsa

Hoemann, K., Lee, Y., Dussault, È., Devylder, S., Ungar, L. H., Geeraerts, D., & Mesquita, B. (2025). The construction of emotional meaning in language. Communications Psychology, 3, Article 99. https://doi.org/10.1038/s44271-025-00255-0

Hsieh, H.-F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. Qualitative Health Research, 15(9), 1277-1288. https://doi.org/10.1177/1049732305276687

Hude, M. D. (2006). Emosi: Penjelajahan religio-psikologis tentang emosi manusia di dalam Al-Quran. Penerbit Erlangga.

Kamus Dewan Perdana. (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Klinger, R., Kim, E., & Padó, S. (2020). Emotion analysis for literary studies: Corpus creation and computational modelling. In N. Reiter, A. Pichler, & J. Kuhn (Eds.), Reflektierte algorithmische Textanalyse: Interdisziplinäre(s) Arbeiten in der CRETA-Werkstatt (pp. 237-268). De Gruyter. https://doi.org/10.1515/9783110693973-011

Lindquist, K. A., MacCormack, J. K., & Shablack, H. (2015). The role of language in emotion: Predictions from psychological constructionism. Frontiers in Psychology, 6, Article 444. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2015.00444

Lizarazo Pereira, D. M., Schubert, T. W., & Roth, J. (2022). Moved by social justice: The role of kama muta in collective action toward racial equality. Frontiers in Psychology, 13, Article 780615. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.780615

Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2024). Pendekatan pengurusan dalam kerjaya. The International Journal of Arts, Culture & Heritage (iJACH), 12, 1-34. https://doi.org/10.62312/asw.ijach.12.1.2024

Mukhalalati, B. A., & Taylor, A. (2020). Examining the disconnect between communities of practice learning theory and educational practices in the PharmD program in Qatar. *American Journal of Pharmaceutical Education, 84*(9), 1198-1210. https://doi.org/10.5688/ajpe847515

Nani Sunarni. (2022). Kosakata emosi dalam cerpen "Mikan". *Jurnal Sastra Studi Ilmiah Sastra, 12*(1), 30-38. http://45.118.112.109/ojspasim/index.php/sastra/issue/view/79

Nor Hafuza Muhammad Arif, Maizura Osman, & Hasmidar Hassan. (2024). Manifestasi emosi melalui metafora api: Satu representasi pemikiran Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 35*(1), 1-17. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JOMAS/article/view/51752

Norazimah Zakaria, & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2020). Citra emosi wanita dalam cerpen dan rasa kepada khalayak. *International Journal of Social Science Research, 2*(1), 124-138. http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/8374

Nova, I. F., & Winarti, D. (2024). Ungkapan marah dalam Komunitas Marah-Marah di media sosial X (kajian sosio-pragmatik). *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya, 7*(4), 749–-760. https://doi.org/10.30872/diglosia.v7i4.1124

Nurul Norasuwat Rosli, & Nordiana Hamzah. (2020). Analisis emosi marah pemimpin Melayu dahulu dalam *Hikayat Raja Pasai*. In *Budaya komunikasi dan teknologi: Cabaran masa depan serumpun* (pp. 25-29). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nykänen, E., & Koivisto, A. (2016). Introduction: Approaches to fictional dialogue. *International Journal of Language and Literature, 5*(2), 1-14. https://doi.org/10.15462/ijll.v5i2.56

Park, J., Kitayama, S., Markus, H. R., Coe, C. L., Miyamoto, Y., Karasawa, M., Curhan, K. B., Love, G. D., Kawakami, N., Boylan, J. M., & Ryff, C. D. (2013). Social status and anger expression: The cultural moderation hypothesis. *Emotion, 13*(6), 1122-1131. https://doi.org/10.1037/a0034273

Parkinson, B. (2023). Cross-cultural calibration of words and emotions: Referential, constructionist, and pragmatic perspectives. *Emotion Review, 15*(4), 348-362. https://doi.org/10.1177/17540739231182680

Patil, U., Hanmante, S., Patil, S., & Shahade, A. K. (2026). Narrative dialogue dataset: Speaker and emotion annotated conversational corpus. *Scientific Data, 13*, Article 507. https://doi.org/10.1038/s41597-026-06891-3

Ruhaini Matdarin. (2018). *Hari-hari terakhir di Jesselton*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sariban, S., Furqon, H., Babil, M. I. S., Retno, R. T., Nisa', C., & Putri, N. W. E. (2020). The anger of the main character in the *Perempuan Bersampur Merah* novel by Intan Adaru: A study of literary psychology. *Edulitics (Education, Literature, and Linguistics) Journal, 5*(2), 93-101. https://doi.org/10.52166/edulitics.v5i2.3398

Schultz-Palma, M. (1996). The language of anger. *MEXTESOL Journal, 19*(4), 27-35. https://mail.mextesol.net/static/public/files/0eca85c6af6242c4f79e9417c9c680e4.pdf

Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel *Sangkar* karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal, 3*(1), 45-63. https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.144

Stratton, S. J. (2024). Purposeful sampling: Advantages and pitfalls. *Prehospital and Disaster Medicine, 39*(2), 121-122. https://doi.org/10.1017/S1049023X24000281

Ulrikayanti, G. F. (2022). Pragmatics analysis on anger expression in #IndonesiaTerserah on Twitter. *Indonesian Journal of English Language Studies, 8*(1), 38-44. https://doi.org/10.24071/ijels.v8i1.3886

Umaimah Kamarulzaman, Rozaimah Rashidin, Afnieza Nurul, & Zuraidah Jantan. (2023). Pola bahasa kemurungan di media sosial: Analisis korpus linguistik. *Jurnal Melayu, 22*(2), 84-97.

van Kleef, G. A., & Lange, J. (2020). How hierarchy shapes our emotional lives: Effects of power and status on emotional experience, expression, and responsiveness. *Current Opinion in Psychology, 33*, 148-153. https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2019.07.009

Vishnubhotla, K., Hammond, A., Hirst, G., & Mohammad, S. M. (2024). The emotion dynamics of literary novels. *Findings of the Association for Computational Linguistics: ACL 2024*, 2557-2574. https://doi.org/10.18653/v1/2024.findings-acl.150

Zhang, J., Xiong, Z., Zheng, H., & Ma, X. (2025). The moral psychological justification of anger: An exploration of self-respect and recognition. *Behavioral Sciences, 15*(1), Article 3. https://doi.org/10.3390/bs15010003